

Banjir di KL: Arahan Musa

KUALA LUMPUR, Selasa — Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam mengarahkan Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya dan Kerajaan Negeri Selangor bersepadu mengatasi masalah banjir di sekitar Ibunegara.

Beliau berkata, masalah banjir di Ibunegara tidak harus dipandang ringan, sebaliknya rancangan jangka pendek dan panjang hendaklah diambil segera.

Datuk Musa memberi amaran, tindakan tegas akan diambil terhadap pemaaju-pemaaju perumahan, agensi pembangunan kerajaan dan pengusaha lombong yang gagal mematuhi syarat-syarat pekerjaan.

Tiga pihak iaitu pemaaju perumahan dan bangunan, pelombong dan setinggan dikenalpasti bertanggungjawab menyebabkan banjir di Wilayah Persekutuan dan kawasan sekitarnya.

Datuk Musa melakukan lawatan singkat ke Kementerian Wilayah Persekutuan di sini hari

Oleh Yunus Alias

ini mendengar taklimat kira-kira empat jam mengenai langkah pencegahan banjir.

Turut hadir dalam taklimat tersebut ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Ahmad Razali bin Mohd Ali, Pemangku Datuk Bandar, Dr. Elyas Omar, Ahli-ahli Parlimen BN Wilayah Persekutuan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Pemangku Perdana Menteri meluluskan peruntukan khas \$5.5 juta

kepada Dewan Bandaraya untuk kerja-kerja menggali sungai, menyediakan sistem perparitan dan projek mencegah banjir.

Menurut Datuk Musa, langkah jangka pendek yang akan diambil termasuklah membaiki saluran air dan longkang di kawasan-kawasan yang dikenal selalu mengalami banjir kilat.

Katanya, selain pemaaju perumahan, golongan setinggan juga didapati

bertanggungjawab terhadap kejadian banjir kerana mereka membina rumah kediaman di tepi-tepi sungai.

Beliau meminta kerjasama golongan itu dalam usaha mengatasi masalah banjir.

"Saya bersimpati kepada mereka, tetapi mereka hendaklah memberikan kerjasama kepada Kerajaan," kata Datuk Musa.

Datuk Musa juga berkata, beliau telah meminta Persatuan Pemaaju Perumahan mengingatkan ahli-ahlinya terhadap tanggung jawab mereka

mematuhi undang-undang yang ditentukan.

Tindakan tegas menggantungkan atau membatalkan projek mereka akan diambil sekiranya mereka masih berdegil dan tidak mahu mematuhi undang-undang yang ada.

Beliau berkata, para pelombong juga harus bertanggungjawab dalam masalah banjir kerana adalah didapati mereka melimpahkan air dengan banyak terutama di musim hujan.

Menurut Datuk Musa lagi, projek empangan Batu di Batu 10% Kam-

pung Sungai Tua dijangka dimulakan kerja awal tahun depan dan siap.

Satu lagi projek yang akan dilaksanakan ialah empangan Sungai Gombak. Kosnya sedang diteliti.

Pemangku Perdana Menteri mengingatkan jabatan-jabatan yang bertanggungjawab dalam pencegahan banjir supaya jangan mengambil sikap 'tunggu dan lihat' tetapi bertindak segera mengatasinya.

"Jangan hanya bila hujan, baru hendak bertindak," tegasnya.